KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	15.06.22	MUKA SURAT	:	4
JABATAN	:	TNB			



KEADAAN dua buah kereta yang rosak selepas dihempap tanah runtuh di Taman Bukit Sentosa, Seremban kelmarin.

Tanah runtuh hempap kereta, rosakkan pencawang TNB

SEREMBAN – Dua buah kereta rosak teruk selepas dihempap tanah runtuh dalam kejadian di Taman Bukit Sentosa, Jalan Tun Dr. Ismail di sini malam kelmarin.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Seremban, Mohammad Idris berkata, kejadian tersebut turut merosakkan sebuah pencawang elektrik Tenaga Nasional Bhd. (TNB) selain menjejaskan sebuah rumah.

Menurut beliau, pihaknya menerima laporan kejadian pada pukul 8.05 malam dan tiba di lokasi 10 minit kemudian.

"Setibanya di lokasi, kami mendapati satu kejadian tanah runtuh di mana pokok telah menghempap bumbung rumah dan pencawang TNB sehingga mengakibatkan dua buah kenderaan rosak teruk.

"Tiada kemalangan jiwa dilaporkan memandangkan tiada penduduk berada di rumah berkenaan ketika kejadian," katanya di sini semalam.

Jelas Mohamad, pihak bomba telah menyerahkan kes tersebut kepada Majlis Bandaraya Seremban (MBS) untuk pemantauan lanjut.